

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian sedang berhasrat untuk mengecilkan saiz pentadbiran Pejabat Belia dan Sukan di negeri-negeri dan juga daerah-daerah dan apakah rasional langkah tersebut diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang dalam proses pelaksanaan **inisiatif Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam** selaras dengan saranan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan. Langkah ini bertujuan untuk **mengoptimumkan sumber dan pengurangan kos operasi** melalui penyusunan semula perjawatan (**redeployment**) bagi mengelakkan **pertindihan fungsi** dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan semasa.
2. Pelaksanaan inisiatif ini akan mengikut pendekatan seperti berikut:
 - i. **Rasionalisasi operasi** Pejabat-Pejabat Belia dan Sukan Negeri dan Daerah melalui **penggabungan** pejabat-pejabat yang

NO. SOALAN : 11

berhampiran. Ini adalah untuk mengurangkan kos sewaan pejabat dan utiliti.

- ii. **Penyusunan semula perjawatan** di peringkat negeri dan daerah. Ini adalah bagi **menyeimbangkan semula** sumber manusia mengikut **keperluan semasa** di setiap negeri dan daerah.

3. Kementerian ingin memaklumkan bahawa inisiatif ini **tidak akan menjejaskan** urusan pentadbiran pejabat di negeri-negeri dan juga daerah-daerah. Kementerian juga komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan akan dipertingkatkan hasil daripada pelaksanaan inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.